

# Kenyataan M. Kayveas tidak adil — CTOS

Um - 30/6/2007

KUALA LUMPUR 29 Jun - Credit Tip Off Services Sdn. Bhd. (CTOS) menyifatkan kenyataan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas terhadap agensi rujukan kredit itu sebagai melulu dan tidak adil.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Chung Tze Keong berkata, Kayveas terlalu ghairah melaporkan pelbagai komen dalam akhbar mengenai CTOS sehingga kebanyakannya sudah 'melanggar' batasan undang-undang.

"Kayveas juga pernah mengeluarkan kenyataan mahu bersemuka dan mendapatkan cerita sebenar tentang CTOS tetapi beliau senyap sehingga kini.

"Apa yang berlaku sekarang ialah beliau telah menjadi individu yang sangat tidak adil dan terus menjatuhkan reputasi CTOS," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Tze Keong berkata, isu tersebut menyebabkan CTOS telah disalah erti oleh orang ramai yang menuduh syarikat itu mempunyai kuasa untuk menyenarai hitam individu.

"Saya kesal kerana CTOS sebenarnya tidak mempunyai kuasa langsung untuk menyenarai hitam. Apa yang kita tawarkan hanya informasi tentang sejarah kredit seseorang.

"Maklumat yang diperolehi pula adalah daripada sumber awam seperti warta kerajaan, Jabatan Insolvensi Malaysia dan akhbar-akhbar tempatan," ujarnya.

Sebelum ini, Kayveas mengeluarkan kenyataan CTOS boleh dikenakan tindakan undang-undang oleh kerajaan kerana menggunakan maklumat daripada Jabatan Insolvensi Malaysia tanpa kebenaran.

Menurut beliau, jabatan berkenaan yang berada di bawah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri tidak pernah memberi kebenaran kepada CTOS untuk menggunakan maklumat yang dikeluarkannya.

Tze Keong memberitahu, pihaknya tidak mahu pertelagahan itu menjadi lebih besar sehingga memalukan mana-mana pihak.

"Mengapa baru sekarang kesalahan CTOS seolah-olah dicari sedangkan kami sudah berkhidmat kepada pelbagai pihak sejak lebih 17 tahun lalu?" tegasnya.